

05 OCT 2003

KEMAMPUAN M'SIA ANJURKAN BOT LAJU F1 CONTOH SEMANGAT "MALAYSIA BOLEH"

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kemampuan Malaysia menganjurkan Kejohanan Dunia Bot Laju F1 GP Malaysia merupakan contoh terbaik semangat `Malaysia Boleh`.

"Ini merupakan kali ketiga Malaysia menganjurkan acara ini. Ia telahpun menjadi satu tarikan utama beribu-ribu pelawat dan jutaan penonton dari seluruh dunia, berdasarkan kejayaan dua grand prix sebelum ini," katanya dalam perutusan pada buku program kejohanan itu di sini hari ini.

Beliau berkata kejayaan itu telah menempatkan acara grand prix itu setaraf dengan Petronas Grand Prix Malaysia dan Motosikal Grand Prix, Malaysia selaras dengan dasar sukan untuk semua.

Dr Mahathir berkata pelantikan pengarah urusan Watersport Sdn Bhd Datuk Yahya A. Jalil sebagai pentadbir Union Internationale Motonautique, badan pentadbir dunia bagi sukan air dan anugerah penganjur terbaik yang dimenangi H2O Sdn Bhd bagi dua tahun berturut-turut, merupakan bukti keazaman negara dan simbol kejayaan Malaysia dalam bidang itu dalam tempoh yang singkat.

Berkata berkata "Best Organiser Award" yang diperolehi H2O Sdn Bhd adalah hasil daripada komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh syarikat itu dalam menganjurkan acara berkenaan.

Sokongan daripada orang ramai dan pertubuhan besar bagi grand prix sebelum ini, telah membantu menggalakkan imej Malaysia dalam pembangunan dan penganjuran acara sukan air antarabangsa yang memberikan kesan positif kepada industri pelancongan negara.

-- BERNAMA

HK AY NM RON